

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HGT 211 - Teknik-Teknik dalam Geografi

Tarikh: 12 April 1986


Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab TIGA(3) soalan sahaja. SOALAN NO. 1 daripada Bahagian A MESTI dijawab dan SATU(1) soalan daripada tiap-tiap Bahagian B dan C.

BAHAGIAN A - Soalan ini mesti dijawab.

1. Soalan ini adalah berdasarkan kepada Peta Topografi Malaysia Siri L 7010, Syit 130, Johor Baharu yang bersekil 1:63360.

- (a) i. Tentukan Relief Bandingan bagi tiap-tiap kawasan A, B dan C yang dilingkungi oleh garis-garis grid seperti yang ditunjukkan:



- ii. Jelaskan secara ringkas kemungkinan untuk pertempatan di kawasan-kawasan A, B dan C dan juga kemungkinan untuk pembangunan bagi tiap-tiap kawasan tersebut seperti yang ditunjukkan oleh Relief Bandingan dalam tiap-tiap kawasan.

.../2

- (b) i. Bina satu keratan rentas di sepanjang garis dari titik A (grid 720770) ke titik B (grid 815799).
- ii. Hurai dan jelaskan jenis-jenis gunatanah yang terdapat di sepanjang keratan rentas itu.
- (c) Adakah paya-paya bakau di dalam kawasan yang diliputi oleh peta syit 130 digunakan secara ekonomik? Jelaskan dengan sebab-sebab.
- (d) Apakah faktor-faktor fizikal yang mempengaruhi perkembangan bandar Johor Baharu?

(40 markah)

BAHAGIAN B - Jawab satu(1) soalan sahaja.

2. Dengan menggunakan gambarajah, jelaskan dengan ringkas tiga(3) dari yang berikut:

- (a) projeksi otografik;
- (b) projeksi stereografik;
- (c) projeksi gnomonik;
- (d) projeksi zenithal.

(30 markah)

3. Dengan merujuk kepada Jadual I (dilampirkan), bincangkan kesesuaian dan kebaikan-kebaikan tiga(3) jenis simbol titik berkadar yang boleh digunakan untuk mempersembahkan data-data berbentuk kartografi.

(30 markah)

4. Tuliskan nota ringkas tentang:

- (a) perbandingan serentak (simultaneous contrast);
- (b) persembahan data-data mengikut peringkat 'ordinal';
- (c) perhubungan di antara saiz titik dengan nilai titik.

(30 markah)

BAHAGIAN C - Jawab satu(1) soalan sahaja.

5. (a) Huraikan bagaimana satu "Bar Paralaks" digunakan untuk mendapat ketinggian seberapa tepat yang boleh di dalam satu model stereoskopik sekiranya orientasi foto dan stereoskopik adalah betul.
- (b) Banding dan bezakan di antara foto-foto udara yang hampir tegak dengan peta-peta topografi biasa dengan merujuk khas kepada kajian-kajian geografi,
- (30 markah)

6. (a) Bagaimana anda boleh membuat satu tinjauan gunatanah bagi satu kawasan luar bandar dengan menggunakan foto udara.
- (b) Satu kawasan yang mempunyai bentuk yang tidak kemas telah disukat dalam satu foto udara dengan cara pengiraan grid. Tentukan luas tanah tersebut dalam ukuran hektar:

selang garisan grid	0.2 inci
bilangan empat segi yang dikirakan	99, 98 & 102
jarak prinsipal kamera	150 mm
"ground clearance" kapal terbang	4500 m
saiz format foto	9 x 9 inci
bil. kaki persegi dalam satu ekar	43560

(30 markah)

-ooo000ooo-

.../JADUAL I

JADUAL IBanci Penduduk Bagi Semenanjung Malaysia 1980

Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Johor	824,765	813,464	1,638,229
Kedah	551,208	564,932	1,116,140
Kelantan	441,385	452,368	893,753
Melaka	225,579	239,175	464,754
Negeri Sembilan	286,979	286,599	573,578
Pahang	417,059	381,723	798,782
Pulau Pinang	472,995	481,643	954,638
Perak	894,140	911,058	1,805,198
Perlis	73,937	74,339	148,276
Selangor	767,009	748,527	1,515,536
Trengganu	270,341	270,286	540,627
W. Persekutuan	505,719	471,383	977,102
S. Malaysia	5,731,116	5,695,497	11,426,613
